

M. P.U. 21.**ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI MELAKA) 2002****KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(PERJALANAN MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI
KOMUNIKASI JARAK JAUH) (NEGERI MELAKA) 2021**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Kaedah**

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**PEMAKAIAN**

3. Pemakaian
4. Arahan oleh Hakim atau Pendaftar
5. Arahan Ketua Hakim Syarie
6. Prosiding yang dibenarkan
7. Tatacara permohonan
8. Tempat prosiding
9. Kehadiran mana-mana orang, saksi atau pihak-pihak termasuk banduan melalui teknologi komunikasi jarak jauh
10. Penyiaran awam prosiding dan rakaman
11. Kuasa untuk membatalkan arahan
12. Penghakiman

BAHAGIAN III**AM**

13. Peralihan

ENAKMEN TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI MELAKA) 2002

KAEDAH-KAEDAH TATACARA *MAL* MAHKAMAH SYARIAH
(PERJALANAN MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI
KOMUNIKASI JARAK JAUH) (NEGERI MELAKA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 247(l)(e) Enakmen *Tatacara Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 13 Tahun 2002*], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Perjalanan Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh) (Negeri Melaka) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Apa-apa prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh yang berjalan sebelum berkuat kuasanya kaedah ini hendaklah disifatkan berjalan mengikut kaedah ini.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

“Arahan Ketua Hakim Syarie” ertinya apa-apa arahan yang ditetapkan dalam kaedah 5;

“Enakmen” ertinya Enakmen *Tatacara Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 13 tahun 2002*] ;

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*];

“hadir” termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang dengan menggunakan peranti elektronik, mekanikal atau cara lain yang dibenarkan oleh Mahkamah;

“Hakim” ertinya seseorang Hakim Syarie termasuklah Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah;

“Kaedah Gabungan” ertinya kaedah yang menggabungkan penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh dan juga melalui cara biasa;

“Ketua Hakim Syarie” mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 44 Enakmen Pentadbiran;

“Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah;

“prosiding” ertinya apa-apa prosiding, yang dinyatakan di bawah kaedah 6; dan

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

BAHAGIAN II

PEMAKAIAN

Pemakaian

3. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Arahan oleh Hakim atau Pendaftar

4. (1) Hakim atau Pendaftar boleh, tertakluk kepada Arahan Ketua Hakim Syarie yang dikeluarkan di bawah kaedah 5, membenarkan apa-apa kausa atau perkara di bawah Kaedah-Kaedah ini didengar atau mana-mana prosiding dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

(2) Kuasa yang diberikan kepada Hakim atau Pendaftar dalam subkaedah (1) boleh dijalankan atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak kepada suatu prosiding.

(3) Jika sesuatu prosiding telah dibenarkan di bawah subkaedah (1), Hakim atau Pendaftar boleh memberikan arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu berhubung dengan kausa atau perkara itu.

Arahan Ketua Hakim Syarie

5. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, Ketua Hakim Syarie boleh mengeluarkan Arahan Ketua Hakim Syarie jika dia berpendapat bahawa hal keadaan mewajarkan dan adalah perlu demi—

- (a) kepentingan pelaksanaan keadilan;
- (b) kesejahteraan awam;

- (c) keselamatan awam;
- (d) kesihatan atau kesusilaan awam; atau
- (e) bagi sebab lain yang mencukupi untuk berbuat demikian.

Prosiding yang dibenarkan

6. (1) Prosiding yang dibenarkan secara teknologi komunikasi jarak jauh adalah bagi semua jenis prosiding Mahkamah terbuka atau dalam kamar termasuklah sebutan, pengurusan kes, perbicaraan, pendengaran, hujahan, klarifikasi, keputusan, perintah, penghakiman termasuk penghakiman persetujuan dan termasuklah sesuatu permohonan di mana-mana peringkat prosiding bagi mana-mana peringkat mahkamah yang disifatkan telah bermula apabila tindakan difailkan dan apa-apa proses kehakiman lain termasuk sulh, rundingcara dan Hakam seperti mana yang ditetapkan di dalam arahan Ketua Hakim Syarie.

(2) Pelaksanaan bagi perkara selain yang dinyatakan dalam subkaedah (1) adalah dibenarkan tertakluk kepada kebenaran Ketua Hakim Syarie.

Tatacara permohonan

7. Permohonan bagi pengendalian prosiding secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dibuat oleh pemohon sepertimana yang ditetapkan oleh Arahan Ketua Hakim Syarie dan hendaklah difailkan kepada Mahkamah.

Tempat prosiding

8. (1) Tempat prosiding hendaklah di bawah bidang kuasa Mahkamah yang menjalankan prosiding itu.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, Hakim hendaklah mengendalikan prosiding di suatu tempat rasmi menurut bidang kuasa Mahkamah itu, dan kehadiran pihak-pihak melalui teknologi komunikasi jarak jauh, hendaklah dengan berada di lokasi yang ditetapkan dan mempunyai akses masa sebenar yang membolehkan prosiding itu dibuat secara langsung di kedudukan masing-masing yang boleh diakses oleh Hakim itu.

(3) Lokasi yang ditetapkan untuk prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah di lokasi yang ditetapkan oleh Mahkamah atau yang dicadangkan oleh pihak-pihak dan dipersetujui oleh Mahkamah.

Kehadiran mana-mana orang, saksi atau pihak-pihak termasuk banduan melalui teknologi komunikasi jarak jauh

9. (1) Bagi maksud kaedah 8, berhubung dengan kehadiran mana-mana orang termasuk banduan, sama ada sebagai saksi atau pihak atau apa-apa keperluan lain dalam mana-mana prosiding, Hakim atau Pendaftar boleh setelah berpuas

hati bahawa semua syarat yang dinyatakan dalam subkaedah (2) dipenuhi, mengarahkan mana-mana orang tersebut—

- (a) untuk hadir selain dari memberi keterangan, dalam prosiding itu, secara teknologi komunikasi jarak jauh, atau
- (b) untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Syarat yang disebut dalam subkaedah (1) adalah seperti berikut:

- (a) dalam hal mana-mana orang, untuk hadir semasa tempoh yang dinyatakan dan dari suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;
- (b) dalam hal mana-mana orang yang hadir sebagai saksi, untuk memberikan keterangan dalam tempoh yang dinyatakan dari suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;
- (c) dalam hal mana-mana orang yang hadir sebagai pihak atau untuk memberi keterangan semasa tempoh yang dinyatakan dari suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;
- (d) dalam hal seorang banduan sama ada sebagai saksi atau pihak, untuk hadir atau memberikan keterangan semasa tempoh yang dinyatakan dari suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, dengan syarat bahawa-
 - (i) dia seorang saksi atau suatu pihak; dan
 - (ii) pihak-pihak dan Pegawai Yang Menjaga yang disebut di bawah Akta Penjara 1995 [*Akta 537*] bersetuju untuk menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh; dan
- (e) Hakim atau Pendaftar berpuas hati bahawa terdapat kemudahan pentadbiran dan teknikal yang mencukupi dan pengaturan dibuat di tempat yang mana-mana orang, atau banduan sebagai saksi atau pihak itu akan hadir atau memberikan keterangan.

(3) Kehadiran dan keterangan yang diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dalam mana-mana prosiding mengikut arahan Hakim atau Pendaftar di bawah subkaedah (1) boleh dikira sebagai kehadiran dan keterangan yang diberikan secara sendiri dalam prosiding itu dan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding bagi Mahkamah itu atau di hadapan Pendaftar.

Penyiaran awam prosiding dan rakaman

10. (1) Sekiranya Hakim atau Pendaftar mengarahkan bahawa prosiding hendaklah dijalankan sepenuhnya melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan bahawa—

- (a) prosiding itu hendaklah disiarkan mengikut apa-apa cara yang munasabah bagi maksud membolehkan orang awam melihat dan mendengar prosiding itu; atau

(b) suatu rakaman prosiding itu hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara yang munasabah bagi maksud membolehkan Hakim atau Pendaftar untuk menyimpan suatu rekod audio-visual prosiding itu.

(2) Apa-apa rakaman prosiding yang dibuat oleh Mahkamah di bawah kaedah ini hendaklah disifatkan sebagai rekod rasmi Mahkamah.

(3) Mana-mana orang tidak dibenarkan untuk merekodkan prosiding menggunakan apa-apa jua peranti sepanjang prosiding berlangsung.

(4) Suatu arahan di bawah kaedah ini boleh dibuat yang berhubungan dengan keseluruhan atau sebahagian prosiding yang berkenaan.

Kuasa untuk membatalkan arahan

11. Hakim atau Pendaftar boleh membatalkan, menggantung atau mengubah arahan yang dibuat di bawah kaedah 4 sekiranya—

(a) teknologi komunikasi jarak jauh itu berhenti berfungsi dan ia akan menyebabkan kelewatan yang tidak munasabah untuk menunggu sehingga sistem berfungsi boleh didapati;

(b) ia perlu untuk Hakim atau Pendaftar berbuat demikian untuk mematuhi tanggungjawabnya bagi memastikan bahawa prosiding dijalankan secara adil kepada pihak-pihak dalam prosiding;

(c) telah berlakunya suatu perubahan material dalam hal keadaan selepas Hakim atau Pendaftar telah membuat sesuatu perintah; atau

(d) ia perlu demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

Penghakiman

12. (1) BAHAGIAN XVI Enakmen hendaklah terpakai kepada setiap penghakiman atau perintah yang diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Jika penghakiman atau perintah diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, fakta itu hendaklah digambarkan dalam penghakiman atau perintah itu.

(3) Tertakluk kepada kaedah 8, apa-apa penghakiman atau perintah yang diumumkan melalui suatu teknologi jarak jauh hendaklah disifatkan diterima oleh pihak-pihak secara sendiri.

(4) Walau apapun kaedah ini, penghakiman atau perintah boleh disampaikan melalui apa-apa cara lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

BAHAGIAN III

AM

Peralihan

13. Tertakluk kepada kaedah 6, Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan untuk sesuatu prosiding yang telah dijalankan secara biasa atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebelum berkuatkuasanya kaedah ini untuk diteruskan secara biasa, atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh atau melalui Kaedah Gabungan.

Dibuat 24 Mei 2021

[MSNM 600-l/1/4, PUNM.700-02/61]

YAA DATUK MOHD NADZRI BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Hakim Syarie

Negeri Melaka

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE (STATE OF
MALACCA) ENACTMENT 2002

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE (THE CONDUCT OF SYARIAH
COURT THROUGH REMOTE COMMUNICATION TECHNOLOGY)
(STATE OF MALACCA) RULES 2021

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

APPLICATION

3. Application
4. Direction by the Judge or Registrar
5. Direction of the Chief Syarie Judge
6. Proceeding permitted
7. Procedure for application
8. Place of proceeding
9. The attendance of any person, witness or parties including prisoner through a remote communication technology
10. Public broadcasting and records of proceedings
11. Power to revoke direction
12. Judgment

PART III

TRANSITIONAL

13. Transitional

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE (STATE OF MALACCA)
ENACTMENT 2002

SYARIAH COURT CIVIL PROCEDURE (THE CONDUCT OF SYARIAH COURT THROUGH
REMOTE COMMUNICATION TECHNOLOGY) (STATE OF MALACCA) RULES 2021

In exercise of the powers conferred by paragraph 247(1)(e) of Syariah Court Civil Procedure (State of Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 13 Year 2002*], the Syariah Court Rules Committee makes the following rules:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Syariah Court Civil Procedure (The Conduct of Syariah Court Through Remote Communication Technology) (State of Malacca) Rules 2021**.

(2) These Rules shall come into operation on the date they are gazetted.

(3) Any proceedings through remote communication technology running before the coming into force of this rule shall be deemed to be running in accordance with this rule.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires-

“Direction of the Chief Syarie Judge” means any direction prescribed under rule 5;

“Form” means forms prescribed in the Direction of the Chief Syarie Judge;

“Enactment” means the Syariah Court Civil Procedure (State of Melaka) Enactment 2002 [*Enactment No. 13 Year 2002*];

“Administration Enactment” means the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [*Enactment No. 7 Year 2002*];

“attend” includes the presence by any person using an electronic, mechanical device or other means permitted by the Court;

“Judge” means the Syariah Judge including the Chief Syariah Judge, a Judge of Syariah Court of Appeal, a Judge of the Syariah High Court or a Judge of the Syariah Subordinate Court;

“combined method” means a method that combines the use of remote communication technology and through physical.

“Chief Syarie Judge” has the same meaning assigned to it under section 44 of the Administration Enactment;

“Syariah Court” or “Court” means the Syariah Court of Appeal, the Syariah High Court or the Syariah Subordinate Court;

“proceeding” means any proceeding specified under rule 6;

“remote communication technology” means a live video network or any other means of electronic communication.

PART II

APPLICATION

Application

3. These Rules shall apply to any proceeding conducted through a remote communication technology.

Direction by the Judge or Registrar

4. (1) The Judge or Registrar may, subject to the Direction of the Chief Syarie Judge issued under rule 5, allow that any cause or matter under these Rules to be heard or any proceeding is to be conducted through a remote communication technology as approved by the Court.

(2) The power conferred on the Judge or Registrar in subrule (1) may be exercised on its own motion or upon application made by any party to a proceeding.

(3) If a proceeding has been allowed under subrule (1), the Judge or the Registrar may give directions as to the further conduct of the proceedings in relation to the cause or matter.

Direction of the Chief Syarie Judge

5. For the purpose of these Rules, the Chief Syarie Judge may issue a Direction of the Chief Syarie Judge if in his opinion that the circumstances warrant and it is necessary for—

- (a) the interest of the dispensation of justice;
- (b) the public safety;

- (c) the public security;
- (d) the public health or propriety; or
- (e) other sufficient reason to do so.

Proceeding permitted

6. (1) Proceeding permitted through a remote communication technology are for all types of open court proceedings or in chambers including mention, case management, trial, hearing, argument, clarification, decision, order, judgement including concent judgement or an application at any stage of the proceedings for any stage of the court which is deemed to have commenced when the action is filed and any other judicial process including sulh, consultation and Hakam as prescribed in the direction of the Chief Syarie Judge.

(2) Execution for matters other than those specified in subrule (1) is permitted subject to the permission of the Chief Syarie Judge.

Procedure for application

7. An application for the conduct of proceeding through a remote communication technology shall be made by the applicant as prescribed in the direction of the Chief Syarie Judge and shall be filed to the court.

Place of proceeding

8. (1) The place of the proceeding shall be within the jurisdiction of the court conducting the proceeding.

(2) For the purpose of these Rules, the judge shall conduct the proceeding in an official place in accordance with the jurisdiction of the Court, and the attendance of the parties through a remote communication technology shall be in the designated location which have the real time access that enable such proceeding to be conducted live at their position respectively where it may be accessible by the judge.

(3) The location designated for proceedings through remote communication technology shall be at a location designated by the court or proposed by the parties and agreed by the court.

The attendance of any person, witness or parties including prisoner through a remote communication technology

9. (1) For the purpose of rule 8, in relation to the attendance of any person including prisoner, whether as a witness or a party or any other requirement in any proceedings, the Judge or the Registrar may after being satisfied that all the conditions specified in subrule (2) are fulfilled, direct any such person:

- (a) to attend other than to give evidence in those proceedings, by means of remote communication technology; or
- (b) to give evidence through remote communication technology.

(2) The conditions referred to in subrule (1) are as follows:

- (a) in the case of any person, to attend during the specified period and from a place specified by the Judge or Registrar using the remote communication technology;
- (b) in the case of any person present as a witness, to give evidence during the specified period and from a place specified by the Judge or Registrar using the remote communication technology;
- (c) in the case of any person present as a party or to give evidence during the specified period and from a place specified by the Judge or the Registrar using remote communication technology;
- (d) in the case of a prisoner either as a witness or a party, to attend or to give evidence during the specified period and from a place specified by the Judge or Registrar using the remote communication technology, provided that—
 - (i) he is a witness or a party; and
 - (ii) the parties and the Officer in Charge referred to under the Prison Act 1995 [Act 537] consent to the use of the remote communication technology; and
- (e) the Judge or Registrar is satisfied that sufficient administrative and technical facilities and arrangements are made at the place where the person, witness or prisoner as a witness or party is to make an appearance or to give evidence.

(3) Appearance and evidence given through remote communication technology in any proceedings in accordance with a Judge or Registrar's direction under subrule (1) are taken to be appearance and evidence given in person in those proceedings and form part of the record of the proceedings of that Court or before the Registrar.

Public broadcasting and records of proceedings

10. (1) If the Judge or Registrar directs that proceedings are to be conducted wholly through a remote communication technology, the Judge or Registrar may direct that—

- (a) the proceedings are to be broadcasted (in any reasonable manner) for the purpose of enabling members of the public to see and hear the proceedings; or
- (b) a recording of the proceedings is to be made (in any reasonable manner) for the purpose of enabling the Judge or Registrar to keep an audio-visual record of the proceedings.

(2) Any recording made by the Court under this rule shall be deemed to be the official record of the Court.

(3) No person is allowed to record the proceedings using any device during the course of the proceedings;

(4) A direction under this rule may be made in relation to the whole or to part of the proceedings concerned.

Power to revoke direction

11. The Judge or Registrar may revoke, suspend or vary the direction made under rule 4 if—

- (a) the remote communication technology stops working and it would cause unreasonable delay to wait until a working system becomes available;
- (b) it is necessary for the Judge or Registrar to do so to comply with its duty to ensure that the proceedings are conducted fairly to the parties in the proceedings;
- (c) there has been a material change in the circumstances after the Judge or
- (d) it is necessary in the interests of justice to do so.

Judgment

12. (1) PART XVI of the Enactment shall apply to every judgment or order pronounced or delivered in the proceeding held through a remote communication technology.

(2) Where judgment or order is pronounced or delivered in the proceeding held through a remote communication technology, such facts shall be reflected in the judgment or order.

(3) Subject to rule 8, any judgment or order pronounced through a remote communication technology shall be deemed to be accepted by the party in person.

(4) Notwithstanding this rule, a judgment or order may be delivered in any other means agreed by the parties.

PART III

TRANSITIONAL

Transitional

13. Subject to rule 6, the Judge or Registrar may direct for a proceeding that has been physically conducted or through remote communication technology before the coming into force of this method to proceed physically, through remote communication technology or through combined methods.

Dated 24 May 2021

[MSNM 600-1/1/4, PUNM.700-02/61]

YAA DATUK MOHD NADZRI BIN ABDUL RAHMAN
Syariah Chief Judge
Malacca

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA